

# KUTKM sasar pertambahan 10,000 pelajar

Archival News | Berita Harian | 29/07/2005

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menyasarkan

pertambahan pelajar sekali ganda kepada 10,000 menjelang 2010 berbanding kira-kira 5,000 ketika ini.

Pertambahan pelajar itu adalah selaras dengan program pembesaran KUTKM berikutan kampus tetapnya seluas 291.2 hektar di Durian Tunggal, Alor Gajah dijangka siap sepenuhnya pada tempoh berkenaan.

Setakat ini, dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik berpindah ke kampus tetap pada awal tahun ini.

Rektor KUTKM, Datuk Prof Ismail Hassan, berkata KUTKM yang ditubuhkan pada 1 Disember 2000 adalah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-14 di negara ini yang mengkhususkan pengajiannya dalam bidang teknikal.

Katanya, selepas lima tahun beroperasi, KUTKM kini boleh berbangga apabila berjaya mengeluarkan graduan sulung melalui majlis konvokesyen pertama, esok.

Ismail berkata, pada majlis itu yang akan disempurnakan Canselor baru, Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob, seramai 471 graduan akan menerima diploma dan ijazah masing-masing.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 240 graduan menerima diploma dan 231 graduan menerima ijazah termasuk seorang graduan akan menerima Ijazah

Sarjana Sains dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Beliau berkata, pesta konvokesyen turut diadakan di Dataran Sejarah Ayer Keroh selama tiga hari berakhir esok.

(END) Source : Berita Harian